

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1998/99

Ogos/September 1998

HKA 101/NSK 001 Pengantar Kesusasteraan

Masa: [6 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN
DI DALAM ENAM [6] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan sahaja. SATU [1] soalan daripada setiap bahagian.

Bahagian A:

1. Bincangkan perhubungan kesusasteraan dengan perkara-perkara berikut:
 - [i] bahasa.
 - [ii] masyarakat.
 - [iii] pengarang.
 - [iv] pembaca.
2. Kritikan sastera adalah satu usaha untuk menilai karya sastera dengan cara yang bersistem dan bertanggungjawab. Jelaskan apakah yang dimaksudkan dengan bersistem dan bertanggungjawab di dalam pernyataan di atas.

...2/

Handwritten signatures and dates:
22/10/98
2009/10/24
2001/10/24

Bahagian B:

3. "Sungai tidak lagi bertanggungjawab pada dirinya. Janjinya dilacurkan. Kata-katanya dilaknati. Dan para penghuni yang hidup sepanjang lajurannya mati akal dan mati kوجل. Sudah pun terbayang geraktindak daripada golongan-golongan yang masih berdaya untuk menghayun parang panjang, lembing dan lading bagi memusnahkan lajuran sungai yang tak ada gunanya lagi itu."

Merujuk kepada petikan di atas bincangkan maksud simbol sungai dan sebab-sebab reaksi golongan yang berdaya itu terhadap sungai berkenaan.

4. Bincangkan persamaan dan perbezaan yang wujud di antara kisah Wan Empuk dan Wan Malini di dalam Sejarah Melayu (edisi W.G. Shellabear) dan kisah Wan Empuk dan Wan Malini di dalam sajak "Ceritera Yang Kedua" oleh Muhammad Haji Salleh. [lihat lampiran].

Bahagian C:

5. Apakah yang anda fahami dengan fiksyenalti dalam proses penciptaan karya sastera. Berdasarkan contoh-contoh yang sesuai, bincangkan sejauhmanakah unsur fiksyenalti dapat membezakan karya sastera dengan bukan sastera?
6. Karya sastera banyak memaparkan persoalan masyarakat sehingga ia boleh dianggap sebagai dokumen sosial masyarakat berkenaan. Bincangkan kebenaran pernyataan tersebut berdasarkan teks Cerita-Cerita Jenaka.

Bahagian D:

7. Terangkan unsur-unsur yang membina teks Malam Jahanam sehingga ia boleh diterima sebagai sebuah karya drama yang baik.
8. Bincangkan nilai keindahan dan persoalan yang terdapat di dalam puisi Cina klasik, haiku Jepun dan pantun Melayu yang anda kaji.

...lampiran

...3/

LampiranCeritera Yang Kedua
(Muhammad Haji Salleh)

"Maka pada malam itu dipandang oleh Wan Empuk dan Wan Malini dari rumahnya, di atas Bukit Siguntang itu bernyala-nyala seperti api."

i

malam mulai pasang
dua orang gadis bersandar di depan senja
menunggu padi menyusu.
penantian melonglaikan gerak waktu.
di detik antara siang dan malam
halaman serasa luas hujungnya,
alun langit di atasnya sesayu arus,
ada bulan muda di pucuk siguntang samar,
menyalutkan cahaya tipis pada pucuk padi,
daun-daun tertinggi jelutung, kapur hutan,
sepi meresap ke akar tumbuhan,
melayang ke telinga mergastua,
tiada bunyi burung
tiada riang-riang yang menjeritkan gelap malam.
mereka pun tiada berkata, tiada kata yang datang,
seperti ada pembersih yang takut mencatatkan
kebeningan lereng dan lembah.

dari puncak bukit siguntang
terkelip kuning lembut putik cahaya,
terketar di udara, berdaun halus apinya,
sejenak memancar seperti bintang timur,

Lampiran

empuk memegang tangan malini,
kehairanan dialir takut.

mereka himpulkan pandangan
di pusat pucuk cahaya
seperti memeliharanya dengan kehendak
untuk dikekalkan indahnya di gunung sunyi.

sunyi sempurna
ditakung oleh batu gunung
diberhentikan oleh sungai.

daun api melenggok turun
mengajak mata mencari bersamanya
zatnya menyerap ke bucu padi kuning berhijau.
dari pondok empuk dan malini
tampak cahaya cakerawala mulai merah jauh
mengerdip perlahan dengan alir sungai
bergerak menjadi kuning matang.

seperti air di awal tengkujuh
warna itu bergulung membalut, akar melonjak
di batang
terus disedut urat daun lebar.

emas buahnya
dan daunnya perak
di atas langit cerahnya
di bawah emas dan perak membiak.
terketar batang padi sebukit
seperti digoncang sepadang tikus,
umbinya pecah dari kepal tanah
dialiri tembaga-suasa
perak menyilau di tiap rumpun

...5/

mpiranLampiran

di ladang lereng siguntang,
meriah, dilihat oleh hutan dan bukit-bukit.

hampir subuh usia malam,
di kala bintang mulai pudar
dan langit pucat seperti pipi gadis,
bayu pun berhembus
dari puncak yang menurunkan api
sesenja tadi,
menyapu lembut di celah pohon-pohon hutan,
perlahan, dengan perlahan rentak alam,
cahaya itu berpindah
dari tangkai ke tangkai
memanjat lorong ke bukit
menaiki tiap rumpun,
air emas menjalar
seperti api jerami,
tetapi lebih perlahan,
lebih lembut
di dalam lindungan bukit dan sunyi.
padi cahaya berkelipan,
yang nyata jadi mimpi.

selesailah sawah diemaskan buahnya
bekulah bendang di ruyung malam
hanya kuning pinang saja memercik lunak
seperti bunga jambu dari pucuknya.

maka sejurus itu sempadan bawah pun
dicurah fajar
yang segera memberat logam, jelmaan perak.
zat cairnya berlari
ke urat dan ke lebar daun.

...lampiran/

...6/

Lampiran

apabila lidah bayu menyentuh buah padi
gemerenginglah tanaman
bunyinya tersirap dari sebandang tangkai
berdengung, didengungkan oleh tebing bukit.

berkeleneng daun-daun perak,
bunyinya halus, nipis di dalam udara manis
lembut seperti loceng angin
oleh pandai perak,
sayu dan sedih.
batang suasa berdenting di lereng dan di tanah
dipukul oleh angin pemain irama
meletak rentak kepada buah dan daun.

tiap kali bayu berubah arah
iramanya bertukar,
lagu alam dimainkan gamelan alam.

--oo000oo--